



PERMOHONAN UNTUK MENDAFTAR PERTUBUHAN

1. Pendahuluan

Pertubuhan berdaftar hendaklah berfungsi mengikut kehendak perlembagaan pertubuhan dan mematuhi sepenuhnya **Akta Pertubuhan, Penggal 203.**

2. Definisi Pertubuhan

Mana-mana perkumpulan yang mempunyai keahlian sekurang-kurangnya **sepuluh (10) orang atau lebih** dan mempunyai tujuan tertentu adalah layak untuk memohon mendaftarkan pertubuhan tetapi tidak termasuk :

- Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat
- Badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis
- Mana-mana kesatuan kerja yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Kerja
- Mana-mana syarikat, usahasama atau rakan kongsi yang ditubuhkan bagi tujuan perniagaan dan untuk mendapat keuntungan semata-mata
- Mana-mana koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi (Co-Operative Societies Act)
- Mana-mana organisasi atau pertubuhan yang menjadi sebahagian dari ko-kurikulum sekolah
- Mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sekolah, persatuan ibu-bapa atau persatuan ibu-bapa dan guru yang berdaftar atau dikecualikan untuk berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis
- Mana-mana organisasi atau pertubuhan yang ditubuhkan oleh mana-mana Jabatan kerajaan atau Kementerian yang mana semua ahlinya terdiri daripada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

3. Cara Memohon Pendaftaran Pertubuhan

I. Pemohon hendaklah mengisi borang-borang yang boleh didapati melalui laman web: **<http://www.police.gov.bn/pages/download.aspx/>** dan menghantar terus permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan yang dicadangkan ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan atau

II. Pemohon juga boleh mendapatkan borang tersebut dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong.

III. Borang-borang dan Dokumen yang perlu dilengkapkan untuk dihadapkan yang juga disertakan dengan :

1. **ROS/PP1 - Permohonan Bagi Pendaftaran Pertubuhan - Borang Maklumat Persatuan**
2. **ROS/PP2 - Borang Maklumat Pemegang Jawatan Sementara /Ahli Biasa Sebuah Pertubuhan Yang Dicadangkan**
3. **ROS/PP3 – Senarai Butir-Butir Ringkas**
4. **Perlembagaan** pertubuhan yang dicadangkan untuk didaftarkan;
5. **Lima (5) Salinan kad pengenalan** ahli-ahli jawatankuasa sementara yang dilantik dan ahli biasa yang dicadangkan
6. **Gambar terkini berukuran paspot 1 keping bagi setiap pemegang jawatan sementara / ahli biasa dalam pertubuhan**

4. Bayaran Bagi Permohonan Yang Diluluskan

Setiap pemohon yang mana permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan mereka diluluskan adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran secara tunai kepada Ibu Pejabat Polis DiRaja Brunei sebanyak **B\$200.00 (Dua Ratus ringgit sahaja)**

5. Rayuan Terhadap Penolakan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan

Jika sekiranya permohonan untuk mendaftarkan sesebuah pertubuhan ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan atas apa jua sebab, pemohon bolehlah membuat rayuan mengenai keputusan tersebut kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penolakan pendaftaran.

6. Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Setelah Permohonan Mendaftarkan Pertubuhan Diluluskan

Setelah pertubuhan yang dipohonkan untuk didaftarkan telah diluluskan pendaftarannya, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Jawatankuasa pertubuhan untuk menghadapkan laporan tahunan pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan pertubuhan diadakan. Jika tiada mesyuarat agung diadakan, laporan tahunan pertubuhan hendaklah dihadapkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas berakhir tahun kalendar.

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Telefon : 2459500, 2423901 **smb** :

E-mel / Laman Web : ros@police.gov.bn / <http://www.police.gov.bn>



APPLICATION FOR REGISTRATION OF A SOCIETY

1. Introduction

A registered society must function according / in accordance to its constitution and to obey **Societies Act, Chap. 203**

2. Definition of a society

Any club, company, partnership or association of **10 or more persons** whatever its nature or object, whether temporary or permanent, but does not include :

- Any company incorporated or registered under the Companies Act (Chapter 39)
- Any body corporate incorporated or constituted under any written law
- Any trade union registered or required to be registered under the Trade Union Act (Chapter 128)
- Any company, association or partnership formed for the sole purpose of carrying on any business that has for its objective the acquisition of gain by the company, association, partnership or by the individual members thereof
- Any co-operative society registered under the Co-operative Societies Act (Chapter 84)
- Any organisation or association that forms part of the curriculum of a school
- Any school, management committee of a school, parents' association or parent-teachers' association registered or exempted from registration under any written law.
- Any organisation or association formed by any Government department or ministry whose members wholly consist of public servants.

3. The procedure to apply for registration of a society

- I. Applicants have/need to fill in the forms that can be downloaded through the/our website: <http://www.police.gov.bn/pages/download.aspx/> and submit it to the Registration of Societies office or
- II. Applicant can also get the forms from Registration of Societies office at the police headquarters, Gadong
- III. **The forms to be completed and submitted which must include :**
 1. **ROS/PP1 - Application For Registration of a Society - Particulars Form of Society**
 2. **ROS/PP2 - Particulars Form of Pro Tem Office Bearer/Ordinary member of the Proposed Society**
 3. **ROS/PP3 - Summary of Particulars**
 4. **The Constitution of the society proposed to be registered**
 5. **Five (5) copies of the identity card each of the protem committees and proposed members**
 6. **Latest passport size picture of every office bearers and proposed members**

4. Fees for application which has been approved

Every applicant whose application to register a society been approved is required to make cash payment for registration fee at the Police Headquarters amounted to **B\$200.00 (Two hundred Only)**

5. Appeal on application which has been refused

If an application to register a society is refused by the Registrar of Societies, applicant may appeal against that decision to the Minister of Home Affairs within 30 days from the date of the decision.

6. The responsibilities of Committee Members after the application to register been approved

After a society has been registered, it is the responsibilities of the committee members to submit the annual reports of their society within 60 days after holding the annual general meeting or if no annual general meeting is held, within 60 days after the end of each calendar year to submit the annual report of the society.

Any further enquiries please contact us on:

Telephone : 2459500, 2423901

E-mail / Website : ros@police.gov.bn / <http://www.police.gov.bn>



PENDAFTAR PERTUBUHAN
IBU PEJABAT
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
BANDAR SERI BEGAWAN BE1710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON: 2459500, 2423901 ext 376

SENARAI SEMAK / CHECKLIST

PERMOHONAN UNTUK MENDAFTAR PERTUBUHAN APPLICATION FOR REGISTRATION OF A SOCIETY

**BORANG-BORANG DAN DOKUMEN YANG PERLU DILENGKAPKAN DAN DIHADAPKAN:
(FORMS TO BE COMPLETED AND SUBMITTED) :**

TANDAKAN / TICK	#	KETERANGAN / DESCRIPTION
	1	ROS/PP1 - Permohonan Bagi Pendaftaran Pertubuhan - Borang Maklumat Persatuan (<i>ROS/PP1 - Application For Registration of a Society - Particulars Form of Society</i>)
	2	<u>10 borang atau lebih / 10 forms or more</u> ROS/PP2 - Borang Maklumat Pemegang Jawatan Sementara / Ahli Biasa Sebuah Pertubuhan Yang Dicadangkan (<i>ROS/PP2 - Particulars Form of Pro Tem Office Bearer/Ordinary member of the Proposed Society</i>)
	3	ROS/PP3 – Senarai Butir-Butir Ringkas (<i>ROS/PP3 - Summary of Particulars</i>)
	4	Perlembagaan pertubuhan yang dicadangkan untuk didaftarkan (<i>The Constitution of the society proposed to be registered</i>)
	5	<u>Lima (5) Salinan / Five (5) Copies</u> Kad pengenalan ahli-ahli jawatankuasa sementara yang dilantik dan ahli biasa yang dicadangkan (<i>Identity card each of the protem committees and proposed members</i>)
	6	Gambar terkini berukuran paspot 1 keping bagi setiap pemegang jawatan sementara / ahli biasa dalam pertubuhan (<i>Latest passport size picture of every office bearers and proposed members</i>)